

KENYATAAN MEDIA

UNTUK EDARAN SEGERA

CIDB JALIN KERJASAMA DENGAN MRCB TINGKATKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN TVET PEMBINAAN

KUALA LUMPUR, 7 Jun 2023: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini mengumumkan kerjasama dengan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET dalam industri Pembinaan Malaysia. Kerjasama ini akan dilaksanakan menerusi pembangunan kompetensi pelatih TVET termasuk kurikulum, tenaga pengajar serta infrastruktur latihan.

Program kerjasama ini akan memberi tumpuan khusus kepada Pembinaan Modular, iaitu satu kaedah pembinaan mampan yang mampu mengurangkan sisa dan pelepasan karbon, serta mengurangkan pergantungan industri kepada tenaga buruh asing.

Kerjasama ini dimeterai melalui Memorandum Persefahaman (MoU) oleh CIDB Holdings, anak syarikat CIDB Malaysia dan MRCB. Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia yang juga merangkap Penggerusi CIDB Holdings menandatangani MoU tersebut bagi pihak CIDB Holdings, manakala Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim, Naib Presiden Eksekutif menandatangani bagi pihak MRCB.

Majlis menandatangani MoU ini disaksikan oleh Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi. Turut hadir di dalam majlis tersebut ada Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya, Datuk Seri Hj Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Holdings, Supian Musa.

MoU ini ditandatangani berikutan pembentangan Bajet 2023 yang menyebut MRCB sebagai peneraju industri pembinaan yang dikenal pasti untuk memperkasakan kerjasama awam-swasta dalam memastikan program-program TVET dapat memenuhi tuntutan industri.

Menerusi kerjasama ini, MRCB akan memberikan sumbangan dan perkongsian kemudahan serta peralatan, pembangunan kurikulum dan bahan latihan seperti yang dipersetujui kedua-dua pihak. Selain itu, MRCB akan turut memberi sumbangan khidmat kepakaran dalam peningkatan kebolehpasaran graduan TVET dalam pembangunan kompetensi termasuk kurikulum, tenaga pengajar serta infrastruktur latihan. Selain itu, MRCB juga akan memberi pertimbangan untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada graduan TVET yang berkelayakan.

Sementara itu, CIDB Holdings akan berkongsi maklumat dan kepakaran, berkaitan pembangunan kapasiti dan program latihan kecekapan kemahiran, inovasi dan teknologi pembinaan yang boleh menambah nilai kepada bidang pembinaan dan lain-lain seperti yang dipersetujui oleh kedua-dua Pihak. CIDB Holdings juga akan memberi kerjasama dengan memberi input dan menyokong inisiatif penambahbaikan latihan melalui penambahbaikan kurikulum dan bahan pembelajaran.

Perlaksanaan kerjasama ini akan melibatkan Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan CIDB Tech, iaitu pusat latihan yang dikelolakan CIDB melalui CIDB Holdings.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
